

**Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan, Khamis ini
Utusan Online
22 Januari, 2013**

KUALA LUMPUR 21 Jan. - Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1434H/2013 Khamis ini akan dimeriahkan dengan acara perarakan melibatkan 12,973 peserta daripada 154 kontinjen.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha berkata, perarakan bertemakan 'Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah' itu akan bermula di Persimpangan Lebu Bestari dan Persiaran Perdana menuju ke Masjid Putra, Putrajaya.

Katanya, perarakan itu melibatkan 74 kontinjen kerajaan, 30 badan berkanun, lapan badan beruniform, 21 swasta, empat pertubuhan bukan kerajaan (NGO), lima institusi pengajian tinggi (IPT) dan 12 buah sekolah.

"Menariknya, perarakan itu turut melibatkan acara bermotosikal berkuasa tinggi daripada Kelab Motosikal 300KMJ, kumpulan berbasikal daripada Persatuan Kelab Speda Tua Melaka dan pasukan bot air daripada Perbadanan Putrajaya.

"Kumpulan Berkuda Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya serta kumpulan paramotor Persatuan Paramotor Malaysia turut mengambil bahagian," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dijadual berangkat ke majlis itu seterusnya merasmikan majlis sambutan Maulidur Rasul.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri juga dijadual hadir selain menteri-menteri Kabinet dan perwakilan negara luar.

Othman menambah, acara perarakan sambil berselawat sejauh 1.7 kilometer itu akan dimulakan dengan ucapan dan pelepasan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom pada pukul 7.15 pagi.

"Kumpulan perarakan akan didahului oleh barisan kenamaan dan diikuti perarakan kontinjen daripada kategori NGO, badan beruniform, swasta, sekolah, IPT, badan berkanun dan agensi kerajaan.

"Majlis perhimpunan seterusnya dijangka berlangsung pada pukul 8.30 pagi di Masjid Putra, Putrajaya," ujarnya.

Katanya, selain bacaan ayat al-Quran, sambutan kali ini turut diselitkan dengan ceramah agama mengikut tema 'Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah' oleh pendakwah bebas, Datuk Mohd. Zawawi Yusof.

Menurutnya, pemilihan tema kali ini bertepatan dengan usaha kerajaan mencontohi pendekatan sederhana dan seimbang yang dipelopori Nabi Muhammad SAW yang menjadikan masyarakat Madinah contoh terbaik.

"Pendekatan ini diharapkan akan terus wujud dalam jiwa rakyat bagi menyuburkan keharmonian hidup dan melonjakkan prestasi negara menuju ke tahap lebih cemerlang.

"Wasatiyyah merupakan tonggak atau pencetus perpaduan selain pemangkin, mengukuhkan ikatan dalam kehidupan dan menjadikan Islam teguh di mata dunia," katanya.

Katanya, dua kategori pengurniaan anugerah akan disampaikan iaitu kepada seorang penerima bagi Anugerah Perdana dan lapan penerima bagi Anugerah Maulidur Rasul.

Orang ramai turut berpeluang menyaksikan siaran secara langsung sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan dari dewan solat utama, Masjid Putra, Putrajaya menerusi TV1.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130122/dn_07/Sambutan-Maulidur-Rasul-Peringkat-Kebangsaan-Khamis-ini